



MESYUARAT MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA & BENGKEL MALUMNI BIL.4/2025

Langkawi, 24 Oktober 2025 – Mesyuarat Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) telah diadakan di Hotel Adya Express, Pulau Langkawi, Kedah. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YBr. Profesor Dr. Ahmad Mutadha Mohamed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku tuan rumah bagi mesyuarat MALUMNI kali ini. Turut hadir ialah YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), selaku Pengerusi MALUMNI merangkap penganjur bersama.

ALUMNI NEWS VOL 10
BILANGAN 10 / OKTOBER 2025



Mesyuarat dan bengkel ini telah dihadiri oleh para pengarah serta pegawai universiti awam yang merupakan ahli jawatankuasa MALUMNI. Bengkel tersebut membincangkan pelaksanaan beberapa program bagi tahun 2026, antaranya Madani Alumni Run (MAR) yang dijadualkan berlangsung pada 10 Januari 2026 di Putrajaya dan Alumni Back to Campus iaitu sebuah program yang akan dilaksanakan di setiap universiti awam dengan jemputan khas melibatkan menteri, timbalan menteri serta tokoh-tokoh korporat universiti masing-masing.

Sepanjang berada di Langkawi, para peserta turut berpeluang mengikuti beberapa aktiviti sampingan. Setelah itu, lawatan diteruskan lagi ke Faizy Crystal Glass Blowing Studio yang merupakan tempat pemprosesan, pembentukan dan penghasilan kristal.

Program diakhiri dengan majlis makan malam di BBQ Sungai Chenang Steamboat & Grill, yang menjadi kemuncak kepada siri aktiviti kali ini. Mesyuarat MALUMNI yang seterusnya dicadangkan pada Januari 2026 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



BICARA ALUMNI BERSAMA KETUA MENTERI PULAU PINANG

Universiti Sains Malaysia, 31 Oktober 2025
– Suatu Majlis Bicara Alumni bersama Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow bersama tiga panel yang terdiri daripada YB Puan Syerleena Abdul Rashid, Ahli Parlimen Bukit Bendera dan Encik Mohd Faiz Azmi, Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) serta Encik Ahmad Fedtri Yahya sebagai moderator.

Turut hadir ke Mailis Bicara Alumni bersama Ketua Menteri Pulau Pinang ialah Encik Mohd Azizuddin Mohd Shariff, Pendaftar USM, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, wakil-wakil dekan dan wakil Pusat Pengajian USM.

ALUMNI NEWS VOL 10
BILANGAN 10 / OKTOBER 2025



Dalam sesi Bicara Alumni ini, YAB Tuan Chow Kon Yeow telah berkongsi pengalaman hidup beliau yang dulunya seorang mahasiswa biasa sehingga menjadi Ketua Menteri di negeri Pulau Pinang. YAB Chow Kon Yeow juga menyatakan yang beliau tidak pernah terfikir untuk menjadi ahli politik bahkan sebagai Ketua Menteri, tetapi minat yang mendalam dalam isu-isu sosial telah membawa beliau memilih jurusan Sains Kemasyarakatan dengan pengkhususan dalam bidang Sosiologi. Dalam sesi yang sama, dua panel iaitu YB Puan Syerleena dan Encik Mohd Faiz turut berkongsi pengalaman tentang perjalanan hidup masing-masing.

Y.Bhg Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor USM dalam ucapannya, mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir dan menunjukkan sokongan kepada dunia pendidikan dan akademik.



Penulis: Syahnaz Riza Sukor
Penyunting: Harnani Dzulkafli
Foto: Ahmad Wafi Sahedan